



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN**  
**SELASA 9 JULAI 2024**

| <b>BIL</b>                        | <b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        | <b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>       |
|-----------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------|
| 1.                                | APMM TAHAN 15 BOT NELAYAN VIETNAM DI PERAIRAN TERENGGANU, DALAM NEGERI, UM -10                                                                                                                                                                                                                                                                                                     | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)            |
| 2.<br>3.<br>4.                    | LPNM TANAM SEJUTA NANAS VARIAN MD2, PONTIAN, SH -24<br>YP EKSPORT 18 TAN NANAS KE UAE, BISNES, SH -29<br>20 HEKTAR TANAM SATU JUTA NANAS MD2, NEGARA, KOSMO -15                                                                                                                                                                                                                    | LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM) |
| 5.<br>6.<br>7.<br>8.<br>9.<br>10. | PETANI RUGI TEMBIKAI DISERANG KUTU TRIP, DALAM NEGERI, UM -34<br>KUTU TRIP SERANG TANAMAN TEMBIKAI TKPM RHU TAPAI, NEGARA, KOSMO -16<br>'SAWAH KAMI KERING', NEGARA, KOSMO -16<br>PESAWAH BENDANG KONTANG HARAP DAPAT BANTUAN BENCANA, NASIONAL, BH -14<br>PESAWAH MAHU PEMBENIHAN AWAN DILAKSANA SEGERA, LOKAL, HM -8<br>KEPUTUSAN OPA DITENTUKAN JAWATANKUASA KHAS, LOKAL, HM -8 | LAIN-LAIN                                   |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH   | MEDIA           | RUANGAN      | MUKA SURAT |
|----------|-----------------|--------------|------------|
| 7/9/2024 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 10         |

# APMM tahan 15 bot nelayan Vietnam di perairan Terengganu

Oleh **TENGKU DANISH BAHRI**  
**TENGKU YUSOFF**  
utusanews@mediamulla.com.my

**KUALA TERENGGANU:** Sebanyak 15 buah bot nelayan Vietnam telah ditahan menerusi Op Naga Barat oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Terengganu sejak Januari sehingga kini.

Pengarah APMM negeri, Kepten Maritim Mohd. Khairulnizar Abdul Majid, berkata, penahanan itu melibatkan jumlah rampasan bernilai RM16.5 juta termasuk bot, peralatan memancing dan hasil laut.

Menurutnya, seramai 123 orang kru termasuk tekong warga Vietnam turut ditahan bagi membantu siasatan di bawah Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1959/63.

“Sejak Op Naga Barat dilancarkan pada 2019, Maritim Malaysia Terengganu telah meningkatkan pemantauan



**MOHD. Khairulnizar Abdul Majid (kanan) memeriksa 20 nelayan warga Vietnam yang ditahan di Kuala Terengganu, semalam. - UTUSAN/PUOTRA HAIRRY ROSLI**

dan penguatkuasaan bagi membendung pencerobohan nelayan asing.

“Pada tahun ini, sebanyak 15

dokumen pengenalan diri,” katanya dalam sidang akhbar sulan penahanan dua buah bot nelayan warga Vietnam berjum-

lah RM3 juta di Kuala Terengganu, di sini, semalam.

Menurut beliau, kedua-dua bot berkenaan ditahan ketika sedang leka menangkap ikan kira-kira pukul 3.30 petang dan 3.50 petang Khamis lalu pada kedudukan 95.01 batu nautika dari muara Kuala Terengganu.

Ujarnya, pemeriksaan lanjut menemukan 20 kru termasuk tekong warga Vietnam berusia 20 sehingga 50 tahun yang tiada dokumen pengenalan diri dan ditahan untuk siasatan lanjut.

“Sebaik menyedari kehadiran kapal peronda Maritim Malaysia, mereka cuba bertindak agresif untuk melarikan diri namun berjaya dipatahkan dan dibawa ke jeti Maritim Malaysia.

“Berdasarkan hasil tangkapan yang dirampas, nelayan berkenaan dipercayai sudah sekurang-kurangnya tiga hari menangkap ikan di perairan negara sebelum aktiviti mereka terbongkar,” ujarnya.

| TARIKH   | MEDIA        | RUANGAN | MUKA SURAT |
|----------|--------------|---------|------------|
| 7/9/2024 | SINAR HARIAN | PONTIAN | 24         |

# LPNM tanam sejuta nanas varian MD2

Inisiatif kembangkan projek berkelompok melibatkan peserta bawah 40 tahun

Oleh NOR AZURA MD AMIN  
PONTIAN



Sheikh Umar (kanan) berbincang bersama anak muda yang terlibat dalam Projek Taman Nanas Berkelompok di Kampung Parit Jerman, Pontian pada Isnin.

**S**ebanyak sejuta nanas MD2 berjaya ditanam di atas tanah seluas kira-kira 20 hektar menerusi projek tanaman nanas berkelompok di Kampung Parit Jerman di sini sejak Januari lalu.

Pengerusi Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), Sheikh Umar Bagharib Ali berkata, buah nanas berkenaan dijangka dituai pada Februari tahun hadapan dengan anggaran hasil sekitar 10 hingga 20 ribu biji sebulan.

“Projek tanaman nanas di Kampung Parit Jerman merupakan inisiatif bagi mengembangkan industri nanas secara berkelompok melibatkan peserta berusia bawah usia 40 tahun.

“Konsep berkongsi keuntungan di dalam projek ini menarik minat golongan muda untuk menceburi bidang penanaman nanas. Dianggarkan tuaian pertama pada Februari depan boleh mencecah jualan sekitar RM150,000,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Pusat Pengumpulan Hasil Ladang dan Benih Nanas bagi Projek Taman Nanas Berkelompok di Kampung Parit Jerman di sini pada Isnin.

Sheikh Umar berkata, pusat pengumpulan hasil dan benih nanas telah dibangunkan melibatkan kos sebanyak RM60,000 di Kampung Parit Jerman bagi menyokong projek tanaman nanas berkelompok berkenaan.

Menurutnya, pusat itu akan berfungsi sebagai tempat pengumpulan, penggredan, pembungkusan dan pengagihan hasil nanas.

“Ia diharap dapat memastikan pengurusan hasil nanas lebih sistematik dan efektif.

“Dengan adanya pusat pengumpulan ini, industri nanas negara juga akan berkembang dan memberi manfaat kepada

ekonomi tempatan,” katanya.

Sementara itu, penaung projek Mohammad Anal Talhah berkata seramai lapan anak muda menyertai projek tanaman nanas berkelompok yang memberi fokus kepada nanas varian MD2.

Katanya, bantuan benih nanas dan khidmat nasihat LPNM amat bermanfaat kepada projek yang akan merancakkan ekonomi penduduk setempat.

“Walaupun projek baru dimulakan tetapi hampir 100 pengunjung sudah melawat projek. Pengunjung memberi cadangan agar disediakan satu mercu tanda sebagai daya tarikan untuk mereka merakam kenangan.

“Di samping itu, kami juga memohon agar LPNM membantu dari segi pemasaran supaya projek ini dapat berjalan dengan baik dari segi penghasilan dan keuntungan,” ujarnya.



**SHEIKH UMAR** (kanan) bermesra dengan peserta projek tanaman nanas berkelompok di Kampung Parit Jerman di Pontian semalam.

## 20 hektar tanam satu juta nanas MD2

**PONTIAN** – Sebanyak satu juta pokok nanas varieti MD2 berjaya ditanam di atas tanah seluas 20 hektar dibawah projek tanaman nanas berkelompok di Kampung Parit Jerman di sini, sejak Januari tahun ini.

Pengerusi Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) Sheikh Umar Bagharib Ali berkata, penghasilannya dijangka bermula pada Februari tahun hadapan dengan dengan anggaran hasil sekitar 10,000 hingga 20,000 biji sebulan.

Katanya, projek tanaman nanas berkelompok Kampung Parit Jerman, merupakan inisiatif bagi mengembangkan industri penanaman nanas secara berkelompok dengan melibatkan peserta berusia bawah 40 tahun.

“Menerusi konsep ‘berkongsi keuntungan’, projek ini berjaya menarik minat golongan muda menceburi bidang penanaman nanas yang mampu meraih pendapatan jualan sekitar RM150,000,” katanya.

Beliau berkata demikian sidang akhbar selepas merasmikan pusat pengumpulan hasil ladang dan benih nenas projek tanaman nanas berkelompok di Kampung Parit Jerman di



Menerusi konsep ‘berkongsi keuntungan’, projek ini berjaya menarik minat golongan muda menceburi bidang penanaman nanas yang mampu meraih pendapatan jualan sekitar RM150,000.”

sini, pada semalam.

Tambah Sheikh Umar, bagi menyokong projek tanaman nanas berkelompok, pusat pengumpulan hasil ladang dan benih nanas telah dibangunkan dengan kos sebanyak RM60,000.

Katanya, pusat ini akan berperanan sebagai tempat pengumpulan, penggredan, pembungkusan dan pengagihan hasil nanas bukan sahaja untuk Kampung Parit Jerman tetapi di daerah Pontian.

| TARIKH   | MEDIA        | RUANGAN | MUKA SURAT |
|----------|--------------|---------|------------|
| 7/9/2024 | SINAR HARIAN | BISNES  | 29         |



## PERDAGANGAN

Mahmud menyempurnakan majlis pelepasan kontena hasil pengeluaran nanas YPPH di Ladang Gambang pada Jumaat lalu.

Tuai hasil pertama selepas kira-kira setahun usahakan varian MD2

Oleh **NIK AMIRULMUMIN NIK MIN**  
**KUANTAN**

**Y**ayasan Pahang (YP) meng-eksport 18 tan nanas MD2 hasil keluaran anak syarikatnya, Yayasan Pahang Plantation Holdings Sdn Bhd (YPPH) ke pasaran Emiriah Arab Bersatu (UAE).

Pengarah Urusan YPPH, Datuk Mahmud Mohd Nawawi berkata, ia adalah eksport pertama nanas hasil keluaran anak syarikat YP ke luar negara.

Menurutnya, pembangunan un-

tuk projek tanaman nanas itu telah dimulakan pada November 2022 dan proses penanamannya bermula Februari tahun lalu.

"Projek ini merupakan percubaan pertama anak syarikat YP menanam pokok nanas MD2 secara komersial dalam kawasan kelapa di Ladang Gambang di sini.

"Kami jangkakan seluas 314 hektar tanah akan digunakan untuk pelan pembangunan tanaman nanas ini sehingga 2026," katanya melalui kenyataan di sini.

Majlis pelepasan kontena hasil pengeluaran nanas Ladang Gambang itu diadakan pada Jumaat lalu.

Mahmud yang juga Ketua Pegawai Eksekutif YP berkata, pihaknya merancang akan membekalkan sulur sendiri untuk penanaman di ladang selain dibekalkan untuk jualan.

"Tanaman nanas antara usaha YP dalam mempelbagaikan sumber

pendapatan melalui kepelbagaian tanaman dengan pendapatan per hektar yang tinggi," katanya.

Beliau berkata, projek tanaman nanas itu merupakan inisiatif di bawah program pembangunan ke arah Pensijilan Global GAP daripada Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) bagi membolehkan hasil dipasarkan ke luar negara.

"Proses pensijilan itu kini berada di fasa terakhir, menunggu pengauditan pihak luar.

"Kami juga merancang untuk mendapatkan Sijil *Brand Reputation Compliance Global Standard* (BRCGS) dan *Rainforest Alliance Certification* sekali gus membolehkan hasil nanas dieksport ke negara Eropah pada masa akan datang," katanya.

Sementara itu katanya, YPPH telah memperoleh Sijil Pengesahan Bahan Tanaman (SPBT) daripada Jabatan Pertanian bagi pengesahan ketulenan benih MD2.

| TARIKH   | MEDIA         | RUANGAN  | MUKA SURAT |
|----------|---------------|----------|------------|
| 7/9/2024 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 14         |



Kedadaan Tasik Bukit Merah dari Kampung Selamat yang kering kontang. (Foto Shaiful Shahrin Ahmad Pauzi/BH)

## Pesawah bendang kontang harap dapat bantuan bencana

**Bagan Serai:** "Kami sangat berharap dapat bantuan bencana bagi mengelak kerugian kerana sawah yang kami usahakan kering kontang dengan tanah mereka akibat kemarau," kata Ketua Unit Peladang Parit Haji Ali, Muslan Napih.

Muslan berkata, tanaman padi yang diusahakan lebih 100 pesawah di kampung itu yang berusia antara 14 hingga 30 hari terbantut tumbesarannya susulan musim kemarau.

Beliau berkata, bekalan air dari Tasik Bukit Merah tidak mampu disalurkan ke terusan dan kini dihentikan untuk kegunaan pertanian.

"Boleh dikatakan setiap hari kami guna pam sendiri untuk salirkan air ke petak sawah, namun tetap jerap dan kering semula," katanya ditemui di Parit Haji Ali, semalam.

Selasa lalu, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Kerian terpaksa menghentikan bekalan pengairan untuk kegunaan sektor pertanian disebabkan paras air di empangan itu menyusut kepada 6.096 meter.

Paras empangan Kolam Bukit Merah yang menjadi sumber utama air bagi kegunaan domestik dan pertanian, terutama sawah padi di Kerian serta kegunaan perindustrian di Taiping semakin menyusut akibat cuaca panas.

Muslan berkata, pelbagai usaha dibuat pihak berkaitan termasuk membekalkan pam bergerak ke sawah, tetapi pam itu turut tidak mampu mengepam air ke sawah berikutan air parit juga menyusut.

"Kita amat berharap pembenihan awan segera dibuat bagi mengelak pesawah terus rugi.

"Harap kemarau ini dikategorikan sebagai bencana bagi membolehkan kami menerima bantuan setimpal untuk membiayai pelbagai kos yang dikeluarkan termasuk sewa," katanya.

Terdahulu media melaporkan, Ketua Unit Peladang Parit Haji Taib 3, Azhar Hashim, 56, mengesahkan pihak berkaitan menyenaraikan bencana ini dalam kategori bantuan.

Sementara itu, Pengerusi Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) Perak, Datuk Sham Mat Sahat, berkata mesyuarat yang diadakan baru-baru ini bersama beberapa agensi berkaitan memutuskan untuk membuat pembenihan awan pada masa terdekat bagi memulihkan Tasik Bukit Merah.

Sham turut meminta pesawah mencarum Skim Takaful Tanaman Padi (STTP) bagi membolehkan masalah padi termasuk bencana alam yang menjejaskan tanaman mendapat perhatian kerajaan.

| TARIKH   | MEDIA              | RUANGAN         | MUKA SURAT |
|----------|--------------------|-----------------|------------|
| 7/9/2024 | UTUSAN<br>MALAYSIA | DALAM<br>NEGERI | 34         |



NIK Muhamad Saifullah Nik Ismail (kanan) dan Wan Basiron Wan Bakar menunjukkan pokok tembikai yang rosak selepas diserang kutu trip di Rhu Tapai, Setiu, semalam.

# Petani rugi tembikai diserang kutu trip

Oleh WAN ZURATIKAH  
IFFAH WAN ZULKIFLI  
[utusannews@mediamulia.com.my](mailto:utusannews@mediamulia.com.my)

**SETIU:** Petani tanaman tembikai di luar musim berdepan masalah serangan kutu trip atau nama saintifiknya, *thrips palmi* yang mengakibatkan pokok tidak berbuah dan mati.

Nik Muhamad Saifullah Nik Ismail, 31, berkata, dia terpaksa menanggung kerugian selepas tanamannya terjejas akibat serangan serangga halus tersebut.

Menurutnya, ketika ini dianggarkan 30 peratus daripada pokok tembikai yang ditanam di kawasan seluas tujuh hektar telah rosak dan mati.

"Sejak musim pertama tanaman tembikai pada Januari hingga April lalu, saya mula menge-

san terdapat serangan kutu trip tetapi tidak teruk, tetapi tanaman musim kedua atau juga kita panggil di luar musim didapati serangan serangga itu semakin parah.

"Serangan kutu ini perlu dikawal di peringkat tanaman musim pertama untuk mengelak serangan lebih serius pada tanaman musim kedua kerana kemungkinan telur atau larvanya telah ada di kawasan kebun," katanya ketika ditemui di Taman Kekal Pengeluaran Makanan Rhu Tapai di sini, semalam.

Nik Muhamad Saifullah memberitahu, dia terpaksa membuang pokok tembikai yang telah rosak kerana dikhawatiri boleh merebak secara meluas ke kawasan lain.

"Sekiranya saya tidak mengambil langkah awal untuk

menangani serangan kutu ini, saya akan berdepan kerugian tinggi dan semua modal dikeluarkan akan hangus begitu sahaja," katanya.

Tambahnya lagi, dia memperuntukkan modal sebanyak RM10,000 hingga RM20,000 bagi satu hektar tanaman tembikai.

Sementara itu, Wan Basiron Wan Bakar, 52, berkata, dia terpaksa mengeluarkan belanja untuk membeli racun serangga sebagai langkah pencegahan.

"Pekebun perlu menambah modal untuk membeli racun bagi memusnahkan serangga tersebut, selain modal benih, baja dan sebagainya.

"Penggunaan racun itu perlu untuk menjamin pokok yang masih belum dijangkiti serangga dapat diselamatkan," ujarnya.

| TARIKH   | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|----------|-------|---------|------------|
| 7/9/2024 | KOSMO | NEGARA  | 16         |



SEORANG pesawah menunjukkan keadaan petak sawah di Parit Haji Ali di Bagan Serai kering-kontang ekoran bekalan pengairan dihentikan pada 28 Jun yang lalu.

## Tanaman padi terjejas bekalan pengairan dihenti 'Sawah kami kering'

Oleh WAT KAMAL ABAS

**BAGAN SERAI** – Ramai pesawah yang terkesan dan terjejas tanaman padi mereka ekoran bekalan pengairan dihentikan berikutan paras air Empangan Tasik Bukit Merah di sini menyusut pada aras bacaan kritikal.

Sehubungan itu, kebanyakan pesawah di Kerian mengharapkan bantuan bencana daripada pihak kerajaan di atas isu kemelut yang mereka hadapi pada masa ini.

Ketua Unit Peladang Parit Haji Taib 3, Azhar Hashim, 56, mengesahkan pihak berkaitan agar menyenaraikan isu tanah mereka dan kering kontang itu dalam kategori bencana bagi mendapatkan bantuan kepada pesawah-pesawah yang terjejas.

Katanya, tanaman padi yang diusahakan oleh kebanyakan pesawah berusia antara 14 hingga 30 hari dan akan mengalami

masalah tumbesaran kerana ketiadaan air dalam petak sawah yang diusahakan.

"Kebanyakan tanah sawah di Kerian mengalami kering kontang dan merekah akibat ketiadaan air.

"Pertumbuhan tanaman padi yang baru ditanam akan terbanjut dan sudah tentu keadaan ini akan menyebabkan pesawah mengalami kerugian," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Sementara itu, Pengerusi Pertubuhan Peladang Negeri Perak, Datuk Sham Mat Sahat berkata, dalam mesyuarat yang diadakan baru-baru ini bersama beberapa agensi berkaitan memutuskan untuk membuat pembenihan awan dalam masa terdekat bagi memulihkan Tasik Bukit Merah.

Menurutnya, selain daripada itu, dia turut meminta pesawah mencarum Skim Takaful Tanaman Padi bagi membolehkan pe-

sawah yang berdepan masalah padi termasuk bencana alam yang menjejaskan tanaman mereka mendapat perhatian dari kerajaan.

"Skim berkenaan belum lagi dilaksanakan dan dijangka dirasmikan pada bulan Oktober nanti. Bagaimanapun apa yang berlaku pada hari ini di sini akan turut diambil kira," katanya.

Selasa lalu Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Kerian terpaksa menghentikan bekalan pengairan untuk kegunaan sektor pertanian disebabkan paras air di empangan itu menyusut kepada 6.096 meter.

Paras empangan Kolam Bukit Merah yang menjadi sumber utama air bagi kegunaan domestik dan pertanian terutama sawah padi di Kerian serta kegunaan perindustrian di Taiping semakin menyusut berpunca daripada cuaca panas.

## Kutu trip serang tanaman tembikai TKPM Rhu Tapai

**SETIU** – Pengusaha tembikai Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Rhu Tapai di sini dalam dilema apabila tanaman mereka mula terkena serangan kutu trip.

Setakat ini, kira-kira 30 peratus daripada tujuh hektar ladang tembikai di TKPM berkenaan sudah terkena serangan haiwan perosak tersebut.

Salah seorang pengusaha tembikai terjejas, Nik Muhamad Saifullah Nik Ismail, 31, berkata, serangan kutu trip akan menyebabkan bunga tembikai luruh sekali gus menyebabkan pokok tersebut tidak berbuah sebelum mati kekeringan.

"Ancaman kutu trip ini sudah mula disedari pada pusingan pertama tanaman tahun ini iaitu pada April lalu tetapi waktu itu ia tidak begitu serius.

"Begitupun serangan serangga perosak itu mula semakin serius selepas kami memulakan pusingan kedua penanaman baru-baru ini," katanya ketika ditemui di TKPM Rhu Tapai di sini semalam.

Nik Muhamad Saifullah tidak menolak kemungkinan serangga perosak tersebut sudah bersarang dengan telur atau larvanya berada di ladang tembikai terbabit sejak pusingan pertama dahulu.

"Setakat ini, 30 peratus ladang tembikai kami sudah terjejas. Penyelesaian terbaik perlu musnahkan segera anak pokok tembikai yang terkena jangkitan agar tidak merebak.

"Sekiranya dibiarkan dan merebak sehingga 50 peratus keluasan ladang, kesemua anak pokok tembikai yang sudah disemai di tanah seluas tujuh hektar ini perlu dimusnahkan," katanya.

Seorang lagi pengusaha tembikai, Wan Basiron Wan Bakar, 52, berkata, serangan kutu trip tersebut telah meningkatkan kos operasi tanaman tembikai yang mencecah sehingga RM20,000 sehektar.

"Serangan kutu trip ini perlu dihentikan segera. Jika tidak kami kerugian besar setelah mengeluarkan modal memberi anak benih dan baja," katanya.



NIK MUHAMAD SAIFULLAH (kanan) dan Wan Basiron menunjukkan sebahagian pokok tembikai yang sudah terkena serangan kutu trip di TKPM Rhu Tapai, Setiu semalam.

| TARIKH   | MEDIA        | RUANGAN | MUKA SURAT |
|----------|--------------|---------|------------|
| 7/9/2024 | HARIAN METRO | LOKAL   | 8          |

**TUMBESARAN PADI TERBANTUT**

# Pesawah mahu pembenihan awan dilaksanakan segera



KEADAAN permandangan Tasik Bukit Merah dari Kampung Selamat, Bagan Serai yang kering kontang.

Oleh Shaiful Shahrin  
Ahmad Pauzi  
am@hmetro.com

**Bagan Serai**

**"K**ami hanya harap bantuan bencana sahaja, jika tidak kami semua akan rugi."

Demikian jawapan Ketua Unit Peladang Parit Haji Ali, Muslan Napiiah, 49, ketika ditanya berkaitan tanaman padi yang diusahakan yang kini kering kontang dan terbantut tumbesaran akibat kemarau.

Muslan berkata, sawah padi yang mereka usahakan kini berusia antara 14 hingga 30 hari namun keadaannya seperti tanah kering yang merekah.

"Bekalan air dari Empangan Bukit Merah tidak mampu disalurkan ke terusan dan kini ia dihentikan untuk kegunaan pertanian."

"Boleh dikatakan, setiap hari kami guna pam sendiri

untuk salirkan air ke petak sawah, namun ia kering semula," katanya ditemui di Parit Haji Ali, semalam.

Menurutnya, pelbagai usaha dibuat pihak berkaitan termasuk membekalkan pam bergerak ke kawasan tanaman padi, namun pam terbabit turut tidak mampu mengepam air ke sawah berikutan air parit juga menyusut.

"Kami amat berharap pembenihan awan segera dibuat, jika tidak pesawah akan rugi."

"Selain itu, pesawah amat mengharapkan kemarau ini dikategorikan dalam bantuan bencana

**"Boleh dikatakan, setiap hari kami guna pam sendiri untuk salirkan air ke petak sawah, namun ia kering semula"**

**Muslan Napiiah**



MUSLAN menunjukkan padinya yang berusia sebulan terbantut.

bagi membolehkan pesawah menerima bantuan semampai untuk membiayai pelbagai kos termasuk sewa," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Pertubuhan Peladang Ne-

geri (PPN) Perak Datuk Sham Mat Sahat berkata,

mesyuarat yang diadakan baru-baru ini bersama beberapa agensi berkaitan memutuskan yang pembenihan awan akan dilaksa-

nakan dalam masa terdekat bagi memulihkan paras air di Empangan Bukit Merah.

Menurutnya, selain itu, beliau turut meminta pesawah mencarum dalam Skim Takaful Tanaman Pa-

di (STTP) bagi membolehkan pesawah yang berdepan masalah padi, termasuk bencana alam yang menjejaskan tanaman, mendapat bantuan sepatutnya.

"Skim berkenaan belum lagi dilaksanakan dan dijangka dirasmikan pada Oktober ini."

"Bagaimanapun, apa yang berlaku pada hari ini, di sini akan turut diambil-kira," katanya.

Selasa lalu, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Kerian terpaksa menghentikan bekalan pengairan untuk kegunaan sektor pertanian disebabkan paras air di Empangan Bukit Merah menyusut kepada paras 6.096 meter.

Paras empangan itu yang menjadi sumber utama air bagi kegunaan domestik dan pertanian, terutama sawah padi di Kerian serta kegunaan perindustrian di Taiping, semakin menyusut berpunca daripada cuaca panas.

**Ipoh:** Keputusan untuk melaksanakan Operasi Pembenihan Awan (OPA) di Perak susulan cuaca kering dan penyusutan empangan Kolang Bukit Merah, akan ditentukan oleh Jawatankuasa Khas yang ditubuhkan kerajaan negeri.

Pengerusi Jawatankuasa Sains, Alam Sekitar dan

## Keputusan OPA ditentukan Jawatankuasa Khas

Teknologi Hijau negeri Teh Kok Lim berkata, operasi itu membabitkan isu teknikal dan kerajaan negeri perlu mendapatkan pandangan daripada jabatan teknikal terlebih dahulu.

"Sebelum melakukan

pembenihan awan, kerajaan negeri perlu mengambil kira beberapa faktor dan keperluan bagi memastikan proses berkenaan berhasil memandangkan ia menelan kos yang agak tinggi serta tidak berlaku pembaziran," katanya

ketika dihubungi, semalam.

Beliau berkata, Jawatankuasa Khas itu terdiri daripada Pejabat Tanah dan Galian (PTG), Jabatan Kerja Raya (JKR) serta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

Paras empangan Kolang Bukit Merah yang menjadi sumber utama air bagi kegunaan domestik dan pertanian terutama sawah padi di Kerian serta kegunaan perindustrian di Taiping semakin menyusut berpunca daripada

cuaa panas.

Selasa lalu, JPS Daerah Kerian terpaksa menghentikan bekalan pengairan untuk kegunaan sektor pertanian disebabkan paras air di empangan itu menyusut kepada 6.096 meter.